

12 NOV 2000

Mahathir-ekonomi

MALAYSIA CADANG SKIM PELABURAN TERUS NEGARA OIC

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, Qatar, 12 Nov (Bernama) -- Malaysia hari ini mencadangkan pembentukan skim Pelaburan Terus Islam (MDI) dalam Pertubuhan Persidangan Islam untuk merangsang kemajuan ekonomi di kalangan negara-negara anggota.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata menerusi skim itu, pelabur dari negara-negara yang kaya dengan modal perlu digalakkan melabur dalam negara-negara Islam yang mempunyai pengetahuan teknologi tetapi kekurangan dana.

"Usahawan dari kedua-dua jenis negara ini boleh juga berkongsi untuk melabur dalam negara Islam yang kaya dengan sumber tetapi kekurangan modal dan kemahiran," kata Perdana Menteri ketika berucap mewakili Asia pada perasmian sidang kemuncak OIC kesembilan di sini.

Beliau berkata memandangkan pentingnya pembangunan ekonomi, masanya telah tiba bagi negara-negara OIC mempertingkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi sesama mereka serta mengetepikan sebarang halangan yang ada di antara mereka.

Dr Mahathir berkata dengan memudahkan urusan perdagangan, pasaran lebih besar dapat diwujudkan untuk negara-negara Islam bagi menarik pelaburan asing terus (FDI).

"FDI yang diuruskan dengan betul boleh menyumbang kepada kemajuan kita. Program yang rapi boleh dimajukan untuk menggalakkan Pelaburan Terus Islam dalam negara anggota OIC," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi menjayakan FDI dan MDI serta agar industri ditubuhkan di negara-negara Islam, suasana pelaburan haruslah menarik.

"Menukar syarat yang telahpun dipersetujui semasa pelaburan dibuat kerana sebab apa sekalipun termasuk politik, akan menjejaskan pelaburan seterusnya," katanya.

Perdana Menteri berkata Bank Pembangunan Islam telah menjalankan tugas dengan baik untuk membiayai projek tetapi lebih banyak perlu dilakukannya untuk negara-negara yang sukar mendapat pembiayaan.

Dr Mahathir berkata OIC harus berusaha lebih keras untuk menentukan bahawa globalisasi menjadi alat berkesan untuk kemajuan semua negara Islam dan umatnya.

Beliau juga berkata jika OIC menentukan semula arah haluannya untuk menepati keperluan masa, umat Islam mungkin dapat menyesuaikan diri dengan dunia yang sejagat dan Era Maklumat dalam masa 20 hingga 30 tahun akan datang.

"Tugas kita ialah menentukan ini terjadi. Ketika kita tidak mahu isu kesengsaraan rakyat Palistin dan umat Islam lain dipandang ringan atau dilupakan, kita tidak boleh biarkan objektif jangka panjang kita menjadi pudar," katanya.

-- BERNAMA

MAM ES MAI